

MASALAH KELUARGA

Masalah perceraian, tekanan dialami pasangan Muslim wajar diperhalusi

Kajian seorang Profesor Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2013 mendapati purata tiga pasangan Muslim bercerai setiap jam. Penemuan itu turut mendedahkan beberapa fakta perceraian lain daripada statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang kelihatan amat menggerunkan untuk berlaku di dalam sebuah negara Islam yang mana agamanya dengan jelas membenci perceraian, walaupun wujud ruang membenarkan perceraian jika tidak dapat dielakkan bagi kebaikan pasangan itu.

Apa yang lebih mengejutkan, jika dibuat perbandingan kadar perceraian antara pasangan Muslim dengan bukan Muslim, data tahun 2012 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mendedahkan, daripada sejumlah 47,779 kes cerai pada tahun itu, hanya 1,062 kes membabitkan pasangan bukan Islam. Ia bermakna pada tahun itu, 98 peratus kes cerai yang direkodkan membabitkan pasangan Muslim.

Walaupun tokoh dan ulama selalu menjustifikasi realiti ini sebagai bukti agama Islam memberi ruang untuk pilihan terakhir bagi pasangan yang bermasalah, data yang diperoleh secara tidak langsung memberi gambaran seolah-olah agama Islam membuka ruang seluas-luasnya untuk bercerai. Ia suatu imej yang amat buruk untuk satu usaha yang pada mulanya seolah-olah direka bentuk bagi menarik orang bukan Islam agar tertarik dengan agama Islam.

Sesuatu perlu dilakukan bagi menanganinya. Apa lagi trend perceraian yang direkodkan JAKIM untuk tahun 1990 sehingga 2012 menunjukkan peningkatan kes yang amat ketara dari setahun ke setahun. Diaku, mungkin telah banyak usaha dilakukan JAKIM mahupun KPWK bagi mengurangkan masalah ini, tetapi yang perlu dipersoalkan, apakah ia menjawab persoalan atau masalah sebenar, dalam konteks peningkatan perceraian pasangan Muslim?

Pendedahan BH bertarikh 24 Februari 2015 lalu dalam ruangan *Famili* berhubung usaha KPWK untuk mengkaji kemerosotan golongan lelaki hari ini amat dialu-alukan bagi membuka mata masyarakat.

Kebajikan wanita, kanak-kanak diutamakan

Bagaimanapun, sudah tentu lebih banyak usaha diperlukan bagi tujuan itu. Jika dilihat pada inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bertanggungjawab iaitu KPWK melalui agensinya, kebanyakan isu atau perkara yang diusahakan lebih tertumpu kepada kebajikan golongan wanita (ibu/



Keratan BH bertarikh 24 Februari 2015 dalam ruangan *Famili*.

isteri/remaja perempuan) dan kanak-kanak.

Justeru, tidak hairanlah apabila ada pihak mempersoalkan fungsi KPWK dalam aspek menjaga kebajikan keluarga keseluruhannya. Hasil pemerhatian mendapati, kebanyakan aspek kebajikan keluarga hanya disentuh apabila ia dilihat akan memperjuangkan kebajikan golongan ibu atau isteri.

Walaupun Malaysia menyatakan komitmen untuk mengangkat hak wanita melalui satu konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang pernah ditandatangani sebelum ini, ia tidak bermakna keadilan hanya menjadi hak golongan itu semata-mata. Selain itu, tokoh dan media juga perlu membuat perbandingan yang lebih adil dan telus dalam menilai perkara ini.

Contohnya, dengan selalu menjadikan Norway atau Sweden sebagai negara yang wajar dicontohi dalam memenuhi kesaksamaan dan keadilan untuk wanita, mereka sewajarnya turut mendedahkan bagaimana golongan isteri di negara tersebut juga sebenarnya bertanggungjawab memenuhi keperluan nafkah keluarga (bersama-sama suami) mengikut undang-undang semasa negara Scandinavia itu.

Selain itu, JAKIM sebagai agensi agama yang turut bertanggungjawab dalam urusan keluarga Islam sewajarnya menilai secara kritikal masalah perceraian pasangan Muslim hari ini. Walaupun ada cadangan untuk memperkenalkan kursus-kursus bagi pasangan yang telah berkahwin, ia dilihat hanya satu tindakan yang bersifat jangka pendek dengan keberkesanan-

nya masih boleh dipersoalkan juga. Suatu tindakan yang lebih drastik, serius dan praktikal wajar dimulakan dengan mengenal pasti punca sebenar terhadap permasalahan yang berlaku.

Sebagai contoh, dalam konteks masalah paling popular membabitkan pasangan iaitu persoalan nafkah, golongan cendekiawan mahupun ulama sering memberi jawapan mudah dengan hanya menyandarkan tanggungjawabnya kepada golongan suami atau bapa semata-mata, tanpa menilai juga aspek perubahan semasa sama ada dari sudut sosio-budaya atau keadaan ekonomi.

Tekanan kepada suami
Pengabaian aspek ini sering menjadikan suami atau bapa sebagai mangsa dari pelbagai sudut sehingga memberikan tekanan kepada mereka. Tidak mustahil, tekanan-tekanan sebeginilah yang akhirnya membawa kepada kes pengabaian, penderaan dan lain-lain masalah rumah tangga.

Mudahnya, apabila membabitkan soal suami atau bapa, persoalan yang ditekankan hanyalah tanggungjawab semata-mata, sedangkan apabila wanita dan anak-anak, barulah persoalan hak dan keperluan ditimbulkan. Sesiapa saja yang dibebankan dengan persoalan tanggungjawab semata-mata dalam hidupnya, sudah pasti akan tertekan.

Dalam konteks Islam, cendekiawan agama perlu mendedahkan realiti sebenar yang berlaku pada zaman Nabi dan sahabat umpamanya. Walaupun ulama memberi ijazah atau fatwa yang pelbagai, asas

agama yang dirujuk pada zaman Nabi dan sahabat sama sekali tidak boleh dinafikan kerana dari sana bermulanya hukum ini. Golongan isteri dan wanita pada zaman Nabi dan sahabat sama-sama bekerja untuk kemakmuran keluarga. Bahkan, jika dirujuk kisah-kisah terdahulu, peranan mereka adalah lebih besar dalam perkara ini dan tidak hanya tertakluk kepada kerja-kerja rumah tangga semata-mata.

Pilih hidup secara sederhana

Selain itu, golongan sahabat juga kebanyakannya adalah tidak berharta, tetapi mereka tetap dibenarkan berkahwin dan memiliki keluarga. Bahkan, ada sahabat yang kaya tetapi memilih cara hidup yang lebih sederhana dengan menginfakkan harta mereka sehingga kehidupan sendiri pula seperti golongan yang miskin, dan kesesahan itu sama-sama pula ditempuhi bersama isteri dan anak mereka. Harta kekayaan yang dimiliki sahabat itu tidak berlingkar di sekitar diri dan keluarga mereka, tetapi diagihkan semula

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

dalam keadaan 'tidak layak' untuk menjadi suami yang sempurna tanggungjawabnya.

Sedangkan, dengan gubahan pendapatan suami dan isteri pun belum tentu mampu mencukupkan semua keperluan keluarga semasa, inikan pula dengan hanya menyandarkan semua bebanan di atas bahu satu pihak. Apakah sebenarnya status seorang suami hari ini di sisi peraturan perkahwinan semasa? Adakah mereka akan sentiasa dikira 'berhutang' dan hanya mampu berfungsi sebagai suami di atas belas ihsan isteri mereka sahaja kerana sentiasa dibantu oleh isteri dalam urusan nafkah?

Pengemisn Sah

Bangsar, Kuala Lumpur



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disartakan sehingga 31 Disember 2015.

谢谢光临
Xiè xiè guāng lín
TERIMA KASIH KERANA DATANG



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel: 607-41442788
Faks: 607-41443098
Laman Web: www.bhccm.com.my/ms
E-mel: info@bhccm.com.my

SIRI 57

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

